



SIARAN MEDIA

22 MEI 2023

SEMPENA HARI BIODIVERSITI ANTARABANGSA 2023

AKTIVITI-AKTIVITI KONSERVASI BIODIVERSITI OLEH MPOGCF SELARI SARANAN ANTARABANGSA

Tanggal 22 Mei setiap tahun diisytiharkan sebagai Hari Kepelbagaian Biologi atau Biodiversiti Antarabangsa oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nation) bertujuan meningkatkan kefahaman dan kesedaran penduduk dunia tentang isu-isu biodiversiti.

Tema yang dipilih untuk tahun ini ialah ***Daripada Perjanjian kepada Tindakan: Bina Semula Biodiversiti*** (From Agreement to Action: Build Back Biodiversity).

Tema ini bertepatan dengan usaha-usaha konservasi biodiversiti oleh Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) selaku agensi peneraju konservasi biodiversiti di bawah Kementerian Perlindungan dan Komoditi.

Bermula April 2021, MPOGCF mengadakan perjanjian kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan pusat dan negeri, pihak berkuasa tempatan, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak industri sawit Malaysia untuk melaksanakan projek-projek konservasi hutan dan hidupan liar.

Projek-projek konservasi yang dibawa MPOGCF adalah selari pendirian United Nation Environment Programme (UNEP) dan Food and Agriculture Organisation (FAO) bahawa kaedah terbaik untuk membina semula biodiversiti ialah menerusi aktiviti-aktiviti konservasi, selain untuk kepentingan flora dan fauna, ia juga membantu komuniti setempat.

Projek Penanaman 1 Juta Pokok bertujuan memulih semula 2,500 hektar hutan terosot di Lower Kawag, Lahad Datu, Sabah, dan rehabilitasi habitat orang utan, dalam masa yang sama membantu ekonomi penduduk Kampung Tampenau, yang membekalkan benih dan anak-anak pokok serta peluang pekerjaan sebagai penanam dan penyelenggara pokok.

Bermula Oktober 2021 dan sehingga April 2023, bilangan pokok yang ditanam mencecah 100,000 pokok daripada 12 spesies melibatkan keluasan 225 hektar dengan perbelanjaan hampir RM1.1juta.

MPOGCF dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) bekerjasama membangunkan tanah bekas lombong yang terbiar di tengah-tengah pusat bandar sebagai Laman Konservasi dan Pendidikan Biodiversiti yang boleh dimanfaatkan oleh institusi-institusi penyelidikan dan pendidikan di samping memberi kesedaran orang awam tentang kepentingan biodiversiti.

Kerja-kerja penanaman pelbagai pokok hutan terutama spesies terancam telah selesai melibatkan kos hamper RM1 juta yang ditaja oleh pihak industri sawit Malaysia melalui MPOGCF.

Perjanjian kerjasama MPOGCF dan Sime Darby Plantations pula melibatkan Pembangunan Model Projek Pemulihan Tanah Gambut di Estate Lavang di Bintulu, dengan keluasan 400 hektar.

MPOGCF membiayai 50 hektar daripada keseluruhan projek itu dengan peruntukan dana mencecah RM1.5 juta untuk penanaman 30,000 anak-anak pokok bertujuan memulih semula ekosistem semulajadi tanah gambut.

Projek ini juga membuka peluang kepada komuniti setempat untuk menambah pendapatan.

Perjanjian juga dimeterai MPOGCF, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan peruntukan dana masing-masing RM600,000 dan RM450,000 bagi membiayai dua kajian penyelidikan biodiversiti di ladang-ladang sawit di Semenanjung dan Sarawak.

Projek-projek konservasi penting masih di peringkat perjanjian termasuk Kajian Populasi Orang utan dan Gajah Borneo di Sabah, Projek Penanaman Rumput Napier di Koridor Hidupan Liar di Sandakan, Projek Koridor Gajah di Jeli dan Projek Pemulihan semula hutan terosot di kawasan Centre Forest Spine.

Tidak dinafikan sektor perladangan kelapa sawit memberi kesan kepada biodiversiti tetapi kesannya tidak seteruk aktiviti perlombongan atau perternakan kerana perladangan menggantikan pokok dengan pokok dan kesan itu pula hanya berlaku di peringkat awal penanaman.

Selepas beberapa tahun dengan pematuhan Persijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang ketat, pokok-pokok sawit yang menghijau itu menyediakan sebuah ekosistem kepada tumbuhan, haiwan dan organisma lain.

Banyak pihak sengaja melupakan fakta, walaupun kelapa sawit merupakan tanaman komoditi untuk ekonomi, tetapi kelapa sawit juga adalah pokok, yang membekalkan oksigen semulajadi kepada kepelbagaian kehidupan termasuk manusia.

Kami yakin usaha-usaha konservasi ini dapat membantu kerajaan dalam melindungi dan memulihara biodiversiti dan juga memastikan kesinambungan industri sawit Malaysia di pasaran global.

Selamat Hari Biodiversiti Antarabangsa 2023 daripada MPOGCF.

ZAMAKSHARI MUHAMAD
PENGURUS BESAR MPOGCF

Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat. Sebarang pertanyaan sila hubungi Pengurus Komunikasi Korporat, Tuan Nazuri Tuan Ismail di talian 012-3479144 atau e-mel nazuri@mpogcf.org.my

Conservation Foundation
MPOGCF